



Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JILID 3(58)
Tarikh : 12 September 2025
Bersamaan : 19 Rabiul Awal 1447H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.58/2025/O: SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 9
TAHUN 2025 – PENGURUSAN BAYARAN AP96(a)**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 9 Tahun 2025 nombor rujukan JANM.600-15/4/6(23) bertarikh 4 September 2025.

2. Dimaklumkan bahawa pembayaran melalui AP96(a) hendaklah diteliti dan diperhalusi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dari segi keperluan penggunaannya. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan Tindakan oleh PTJ:

- i. Meminimumkan kaedah pembayaran melalui AP96(a) selaras dengan persekitaran tanpa tunai (cashless). Kelulusan bagi pembayaran melalui AP96(a) hanya dipertimbangkan selepas semua kaedah pembayaran alternatif seperti *Electronic Fund Transfer (EFT)* yang lebih selamat telah diteliti dan didapati tidak sesuai. Ini bagi mengurangkan risiko kehilangan wang awam semasa agihan pembayaran melalui AP96(a). Kelulusan Pejabat Perakaunan dengan mengambil kira keperluan AP96(a) yang benar-benar perlu sahaja;
- ii. Pembayaran kepada individu selain penjawat awam yang mempunyai akaun bank hendaklah melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)*/ cek (sekiranya terlibat dengan mule account sahaja) dan kelulusan pembayaran melalui AP96(a) hanya dibenarkan setelah justifikasi dipertimbangkan sewajarnya oleh Pejabat Perakaunan; dan
- iii. Selaras dengan Surat Pekeling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023, **Lampiran D: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Di Bawah AP96(a-c) Mengeluarkan Wang Awam Untuk Diagihkan**, berikut merupakan ketidakpatuhan yang perlu diberi perhatian serius oleh PTJ selanjutnya :
 - a. **Penyata Penerima Wang Bayaran Di Bawah AP96(a) (Lampiran D3 seperti di Lampiran) tidak lengkap :**
 - Tiada nama penerima dan nombor kad pengenalan;
 - Tiada tandatangan/ cap jari serta tarikh penerima dan tiada nama serta tandatangan saksi;

- Tiada tandatangan/ nama/ jawatan/ tarikh pengesahan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan untuk mengagihkan wang; danTiada tandatangan/ nama/ jawatan/ tarikh berkenaan pembayaran dan penerimaan wang tunai oleh saksi.
- b. Lampiran D3 tidak dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan setelah agihan wang tunai selesai dalam tempoh 21 hari dari tarikh EFT/Cek. Sekiranya terdapat lebihan, Resit Rasmi dan Penyata Pemungut juga hendaklah dikemukakan bersama Lampiran D3.
3. Sehubungan itu, surat edaran BPOPP ini hendaklah dibaca bersekali dengan SPANM yang berkuatkuasa dan Soalan Lazim (FAQ) kemaskini 22 April 2025 (Bil 5 hingga 9).

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA,CGMA,ASEAN CPA,CPFA (UK), C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Melaka.